

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 13 Julai 2016 13:08
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: RAKAN MUDA JELAJAH KAMPUS?



13 JULAI 2016 / 08 SYAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

RAKAN MUDA JELAJAH KAMPUS?



ANJUNG TAMU ONLINE: Suara masyarakat bagi membentuk generasi muda yang lengkap dengan gugusan nilai-nilai murni, berfikiran positif, berdisiplin, menguasai ilmu dan kemahiran bagi menempuh kemajuan peradaban yang akan datang semakin dipedulikan.

Jelaslah, kedatangan delegasi Bahagian Pembangunan Rakan Muda (BPRM), Kementerian Belia & Sukan, Putrajaya seramai 10 orang baru-baru ini membawa objektif bagi pelaksanaan program jelajah kampus Rakan Muda di sebuah universiti yang tersohor sebagai universiti pengurusan terkemuka.

Pengarahnya, Sabran Abdul Bahar yang ditemui di Welcome Centre berkata,

“Rakan muda perlu proaktif dan mendekati komuniti supaya mereka menjadi pemimpin yang berkaliber dan berwawasan”.

Sementara itu, Ketua Penolong Pendaftar Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Mohd Ashari Yaakub yang mengiringi delegasi menyokong program rakan muda yang dizahirkan melalui jelajah kampus Sintok supaya dapat mengadunkan elemen untuk pembangunan kemahiran, kemasyarakatan dan kecergasan mental dan fizikal.

Bertepatan dengan Discover UUM, delegasi telah membawa pulang ilmu tentang sejarah Sintok dan fasiliti yang tersedia di kampus nan hijau ketika taklimat oleh Welcome Centre.

Masing-masing menyuarakan pandangan ketika lawatan memperkenalkan Welcome Centre dan kampus UUM bahawa mereka ingin melengkapkan rakan muda dengan pelbagai pengetahuan, dan sikap yang menerapkan nilai terpuji melalui jelajah kampus.

“Tempat yang sangat menarik dan unik”.

“Welcome Centre menjadi contoh kepada Universiti lain untuk mewujudkan tempat sebegini”.

“Semuanya yang terbaik ada di sini”, kata Sabran.

Universiti yang diselubungi ilmu ini diharapkan berjaya menampilkan satu kesedaran dan minat generasi muda mengenai peluang menyertai pelbagai aktiviti dan program bertujuan menggerakkan citarasa golongan muda ke arah aktiviti gaya hidup yang proaktif dan produktif.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

